

PERBARISAN SERAH TERIMA TUGAS KOMANDER PANGKALAN UDARA SUBANG DAN PEGAWAI LAKSANA PANGKALAN UDARA SUBANG

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3559-perbarisan-serah-terima-tugas-komander-pangkalan-udara-subang-dan-pegawai-laksana-pangkalan-udara-subang

SUBANG, 7 Jun 18 – Bertempat di Padang Kawad Pangkalan Udara Subang telah berlangsung Perbarisan Serah Terima Tugas Jawatan Komander Pangkalan Udara Subang diantara Brig Jen Dato' Hj Shamsudin bin Kassim TUDM dengan Brig Jen Dato' Hj Muhammad Mudzamir Ong bin Abdullah TUDM.

Majlis tersebut turut disaksikan oleh Panglima Wilayah Udara 1 iaitu Mejar Jeneral Datuk Hj Romlee bin Yahaya TUDM dan Ketua Staf Mawilud 1, Brig Jen Dato' Hj Yazid Bin Hj Arshad TUDM serta pegawai-pegawai dan staf Pangkalan Udara Subang.

Perbarisan telah dimulakan dengan Majlis Serah Terima Tugas Pegawai Laksana Pangkalan Udara Subang diantara Kol Mohd Sharil bin Mohd Ariffin TUDM dengan Kol Mohd Azwan bin Mohd Pohari TUDM yang telah disaksikan oleh Komander Pangkalan pada waktu itu, Brig Jen Dato' Hj Shamsudin bin Kassim TUDM.



